UMPSA
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

25 UMPSA GEMILANG 2002-2027

Congratulations

to the researchers of Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) who have been recognised in the

STANFORD-ELSEVIER "TOP 2% SCIENTIST 2026"

PROFESOR TS. DR. YATIMAH BINTI ALIAS

PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD ASHRAF BIN FAURI@FAUZI

PROFESOR MADYA DR. SUDHAKAR KUMARASAMY

PROFESOR MADYA EUR ING. IR. TS. DR. NORAZLIANIE BINTI SAZALI

PROFESOR IR. TS. DR. KUMARAN A/L KADIRGAMA

PROFESOR DR. YUDI FERNANDO

PROFESOR MADYA DR. RAMADHANSYAH PUTRA JAYA

PROFESOR TS. DR MOHD HERWAN BIN SULAIMAN

PROFESOR DR. RIZALMAN BIN MAMAT

PROFESOR DR. WAN AZMI BIN WAN HAMZAH

PROFESOR DATO' TS. DR. ZULARISAM BIN AB WAHID

PROFESOR IR. TS. DR. WAN SHARUZ BIN WAN HARUN

PROFESOR MADYA TS. DR. LIANG YONG YEOW

PROFESOR TS. DR. MD. MUSTAFIZUR RAHMAN

PROFESOR DATO' TS. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI

PROFESOR DR. ABDURAHMAN HAMID NOUR

PROFESOR TS. DR. MOHD RASHID BIN AB HAMID

PROFESOR MADYA TS. DR. HMAD SHAHRIZAN BIN ABDUL GHANI

CHM. TS. DR. ROS AZLINAWATI BINTI RAMLI

PROFESOR MADYA TS. DR. HERMA DINA BINTI SETIABUDI

PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD ASHRAF BIN AHMAD

TS. DR. ZURIANI BINTI MUSTAFFA

PROFESOR MADYA TS. DR. FERDA ERNAWAN

PROFESOR TS. DR. KHAIRUNNISA BINTI MUTHUSAMY

PROF MADYA IR. TS. DR. DEVARAJAN A/L RAMASAMY

PROFESOR IR. DR MOHD FAIRUSHAM BIN GHAZALI

TS. DR. MOHD SHAWAL BIN JADIN

From

Chairman and Board of Directors, Vice-Chancellor,
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Staff and Students

Engineering • Technology • Creativity | Study@UMPSA | ECO-CAMPUS GREEN PLAN

Achievement

27 penyelidik UMPSA tersenarai dalam kelompok World's Top 2% Scientists 2026

15 October 2026

PEKAN, 14 Oktober 2026 - Seramai 27 penyelidik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) tersenarai dalam kelompok *World's Top 2% Scientists 2026* berdasarkan data terbaharu yang dikeluarkan oleh Elsevier BV dan Stanford University baru-baru ini.

Senarai berprestij itu diterbitkan setiap tahun berdasarkan pangkalan data Scopus, dengan mengambil kira dua kaedah penilaian utama iaitu *Career-Long Citation Impact* dan *Single Year Citation Impact.*

Daripada senarai tersebut, 12 daripada penyelidik UMPSA turut diiktiraf di bawah kategori Pencapaian Setahun (*Single Year Achievement*) dan kategori Pencapaian Sepanjang Kerjaya (*Career-Long Achievement*).

Penyelidik yang diiktiraf di bawah kedua-dua kategori (Pencapaian Setahun dan Sepanjang Kerjaya) ialah Profesor Ir. Ts. Dr. Kumaran Kadirgama (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Madya Dr. Sudhakar Kumarasamy (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Madya Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Norazlianie Sazali (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik), Profesor Dato’ Ts. Dr. Zularisam Ab. Wahid (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam).

Lain-lain Profesor Madya Dr. Ramadhansyah Putra Jaya (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam), Profesor Dato’ Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli (Fakulti Komputeran), Profesor Dr. Wan Azmi Wan Hamzah (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ashraf Ahmad (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik), Profesor Dr. Rizalman Mamat (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Ts. Dr. Mohd Herwan Sulaiman (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik), Profesor Ts. Dr. Md. Mustafizur Rahman (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif) dan Profesor Madya Dr. Ferda Ernawan (Fakulti Komputeran).

Manakala penyelidik bagi kategori Pencapaian Setahun ialah Profesor Madya Dr. Muhammad Ashraf Fauri@Fauzi (Fakulti Pengurusan Industri), Profesor Dr. Yudi Fernando (Fakulti Pengurusan Industri), Profesor Ir. Ts. Dr. Wan Sharuzi Wan Harun (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Madya Ts. Dr. Liang Yong Yeow (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan

Proses), Profesor Dr. Abdurahman Hamid Nour (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses), Profesor Ts. Dr. Mohd Rashid Ab Hamid (Pusat Sains Matematik), Profesor Madya Ts. Dr. Ahmad Shahrizan Abdul Ghani (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik), ChM. Ts. Dr. Ros Azlinawati Ramli (Fakulti Sains dan Teknologi Industri).

Turut tersenarai Profesor Madya Ts. Dr. Herma Dina Setiabudi (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses), Ts. Dr. Zuriani Mustaffa (Fakulti Komputeran), Profesor Ts. Dr. Khairunisa Muthusamy (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam), Profesor Madya Ts. Dr. Devarajan Ramasamy (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Ir. Dr. Mohd Fairsuham Ghazali (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif), Profesor Dr. Yatimah Alias (Fakulti Sains dan Teknologi Industri) dan Ts. Dr. Mohd Shawal Jadin (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik).

Naib Canselor UMPSA, Profesor Ts. Dr. Yatimah Alias menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian ini yang menyaksikan pengiktirafan terhadap penyelidik UMPSA bersaing di pentas antarabangsa.

Beliau yang turut tersenarai sebagai antara penyelidik ini berkata, kejayaan ini juga membuktikan komitmen UMPSA untuk kekal sebagai sebuah universiti teknikal yang unggul dalam melahirkan penyelidik bertaraf dunia.

"Pengiktirafan ini bukan sahaja mengangkat nama UMPSA di peringkat global, malah menjadi inspirasi kepada seluruh warga penyelidik untuk terus meningkatkan mutu penerbitan, penghasilan inovasi serta memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan ilmu dan kesejahteraan masyarakat," ujarnya.

Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan UMPSA sebagai universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) untuk terus memacu penyelidikan berimpak tinggi, menghasilkan penyelesaian inovatif di bawah slogan 'Teknologi untuk Masyarakat'.

Selain itu ialah bagi melahirkan modal insan berkualiti demi pembangunan negara dan global.

Stanford University mula menerbitkan senarai *World's Top 2% Scientists* pada tahun 2019 dengan metodologi pemilihan yang telus merangkumi jumlah sitasi, h-index dan prestasi penyelidikan berimpak tinggi.

Senarai itu diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana menggunakan data bibliometrik komprehensif daripada Scopus, sekali gus menonjolkan penyelidik yang konsisten memberikan sumbangan signifikan dalam bidang kepakaran masing-masing.

Oleh: Norul Fadilah Abdullah, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi

- 81 views

View PDF